

# Main Pokemeon Go secara selamat

**B**AGAIMANAKAH cara untuk bermain permainan Pokemon GO secara selamat?  
Kay, Setia Alam.

Sebelum bermain permainan Pokemon GO, pastikan ia terlebih dahulu dibenarkan bermain secara undang-undang di kawasan setempat sama ada menerusi peraturan desa, majlis tempatan setempat, organisasi, agensi kerajaan, negeri dan negara. Ini kerana terdapat negara yang mengharamkan

## Diskusi ICT

Bersama FIRKHAN  
[sembangict@yahoo.com](mailto:sembangict@yahoo.com)

permainan ini. Begitu juga dengan terdapatnya fatwa majlis agama Islam negeri yang tidak menggalakkan permainan Pokemon GO ini. Walau bagaimanapun, sebarang fatwa yang dikemukakan itu hanya terhad kepada umat Islam di

kawasan tersebut sahaja.

Sekiranya permainan Pokemon GO ini dibenarkan untuk dimainkan, pemain perlu menjaga langkah keselamatan secara fizikal dan digital. Seterusnya dibincangkan beberapa panduan yang boleh diambil endah ketika bermain permainan Pokemon GO ini.

**1** Pastikan permainan Pokemon Go ini dimuat turun daripada stor aplikasi yang dipercaya sumbernya. Perkara ini penting bagi mengelakkan

memuat turun permainan Pokemon Go yang mengandungi aplikasi *Malware* bersamanya. Sebagai contoh, pengguna peranti berasaskan Android memuat turun menerusi aplikasi *Google Play Store* dan sebagainya.

**2** Disebabkan terlalu ramai pengguna akses pendaftaran masuk menerusi laman web Pokemon, menyebabkan kesukaran untuk pengguna masuk ke dalam akaun masing-masing. Dengan ini, laman web Pokemon Go memberi pilihan untuk

pengguna boleh daftar masuk menggunakan akaun Google.

Elakkan daftar masuk ke laman web Pokemon Go menggunakan akaun Google kerana perkara ini mendedahkan maklumat akaun Google pengguna kepada aplikasi

permainan Pokemon Go ini.

**3** Ketika bermain permainan ini, pastikan berada di tempat awam dan tidak bersendirian. Elakkan untuk pergi ke tempat-tempat yang sunyi dan berbahaya.

**4** Permainan Pokemon Go ini memerlukan penggunaan

bateri pada kadar yang sangat tinggi. Jadi, pastikan dibawa bersama pengecas bateri, bateri tambahan atau alat bekalan tenaga (*power bank*) sebagai alternatif sekiranya kehabisan bateri.

**5** Ketika bermain permainan ini, pastikan sensitiviti berkaitan persekitaran dan orang ramai dipertingkat seperti ketika berada di jalan raya, maklum balas atau pertanyaan daripada seseorang, kebenaran memasuki sesuatu tempat dan sebagainya.